

**CABUTAN MINIT MESYUARAT MENGENAI PENGGUNAAN KADEAH  
PEMBAYARAN MELALUI SISTEM GAJI BERKOMPUTER – DAILY RATED BAGI  
PEMBAYARAN KEPADA PERSONEL MYSTEP DI BAWAH INISIATIF SHORT-  
TERM EMPLOYMENT PROGRAM TAHUN 2021 (MySTEP)**

**Tarikh: 3 Februari 2021 ( Rabu )  
Masa: 9.30 pagi hingga 11.00 pagi  
Tempat: Secara Maya**

**2.2 CADANGAN PEMBAYARAN KEPADA PERSONEL MYSTEP MELALUI  
SISTEM GAJI BERKOMPUTER IAITU *DAILY RATED CYCLE***

**2.2.1 Kaedah Pembayaran Melalui Sistem Gaji Berkomputer**

Mesyuarat mengambil maklum;

- i. Pembayaran bagi pegawai *Contract For Service (CFS)* dan *Contract Of Service (COS)* juga dibayar melalui sistem gaji berkomputer. Sekiranya terdapat pengurangan amaun gaji pegawai CFO dan COF, pindaan amaun gaji perlu dilakukan semasa mengunci masuk pembayaran melalui *Daily Rated Cycle*:
- ii. BPTM memaklumkan, dari segi sistem pembayaran bagi personel MySTEP ini boleh dilaksanakan melalui sistem gaji berkomputer menggunakan group B30 dimana caj kepada OS29000 dan mencarum kepada KWSP dan PERKESO.
- iii. Pewujudan nombor gaji 8 digit bagi lantikan MySTEP yang baharu akan dilaksanakan melalui sistem payroll HCM. Seterusnya kod Employee Vendor 10 digit (5-series) akan diwujudkan melalui program ZRPY118 bagi mewujudkan kod vendor 5-series secara auto di Modul Account Payable.
- iv. Bagi data pegawai MySTEP yang sedia ada di sistem gaji berkomputer semasa lantikan sebagai PSH sebelum ini, nombor gaji yang sama boleh digunakan untuk pembayaran melalui sistem gaji berkomputer;

**2.2.2 Kaedah Bayaran Upah kepada personel MySTEP**

Mesyuarat bersetuju ;

**(A) Pembayaran melalui sistem gaji berkomputer**

- i. Pembayaran dibenarkan melalui sistem gaji berkomputer iaitu *Daily Rated Cycle* berdasarkan justifikasi :
  - a. kaedah baucar bayaran boleh membebankan PTJ bagi bilangan personel MySTEP yang tinggi;
  - b. Penggunaan baucar bayaran boleh menyumbang kepada risiko akaun penyelesaian tidak berbaki sifar bagi caruman KWSP dan PERKESO.
- ii. Pembayaran menggunakan *Daily Rated Cycle* hendaklah diproses berdasarkan SPANM yang berkuatkuasa di mana pembayaran adalah dalam tempoh 7hb bulan berikutnya. Oleh itu, pengiraan hendaklah mengambil kira output yang telah disahkan sehingga berakhir bulan.
- iii. Pembayaran hendaklah berdasarkan output yang telah disahkan oleh penyelia. Amaun upah hendaklah kunci masuk setiap bulan mengambil kira pengurangan amaun (jika ada) berdasarkan output yang dicapai setiap bulan. Pengiraan KWSP dan PERKESO akan dikira secara auto oleh sistem.
- iv. Pembayaran melalui *Daily Rated Cycle* mempunyai dua kaedah iaitu kunci masuk bilangan hari jika menggunakan kadar hari ataupun amaun penuh bulanan. Bagi pembayaran MySTEP, pembayaran *Daily Rated Cycle* menggunakan *Employee Group* (EE) kumpulan B30 (melibatkan caruman KWSP dan PERKESO dan dicaj kepada OS29000) dimana PTJ perlu mengunci masuk amaun penuh upah sebulan setelah mengambil kira potongan berdasarkan output yang disahkan.
- v. Pembayaran kepada pegawai MySTEP menggunakan *Employee Sub-Group* B30; PS Group Tiada Skala atau Gred Hakiki; tertakluk caruman KWSP dan PERKESO; dan dicaj kepada OS29000. PTJ perlu mengunci masuk amaun penuh upah sebulan setelah mengambil kira potongan berdasarkan output yang disahkan.
- vi. Pegawai PSH yang ditukar lantik ke MySTEP, PTJ perlu menukar *Employee Sub-Group* pegawai dari C40 kepada B30 di dalam sistem. Panduan bagi pertukaran *Employee Sub-Group* ini diberikan oleh BPTM.

#### **(B) Pembayaran melalui Baucar Bayaran Invois Tanpa Pesanan (K2)**

- i. PTJ juga dibenarkan untuk menggunakan Baucar Bayaran Invois Tanpa Pesanan (K2) dan penggunaan kod vendor 6 series jika tidak menggunakan *Daily Rated Cycle*. Ini mengambil kira situasi berikut :
  - a. bagi bilangan personel MySTEP yang tidak ramai; atau

- b. tarikh lantikan tidak bermula pada 1 hb dimana tempoh bulanan tidak berakhir pada 30hb. Sebagai contoh lantikan (15 Januari 2021 dimana tempoh sebulan adalah dari 15.01.2021 sehingga 15.02. 2021).
  
- ii. Bagi pembayaran melalui baucar, PTJ dibenarkan menggunakan kod vendor 5 series sedia ada untuk kod yang telah diwujudkan di dalam sistem sebelum ini bagi mengelakkan lambakan kod vendor disistem iGFMAS. Walaubagaimanapun, bagi lantikan personel MySTEP yang baharu, PTJ hendaklah menggunakan kod vendor 6 series.
  
- iii. PTJ dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan akaun penyelesaian yang melibatkan KWSP dan PERKESO berbaki sifar bagi penggunaan Baucar Bayaran Invois Tanpa Pesanan (K2).